

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004**

September/Oktober 2003

RPK 231 – Prinsip-Prinsip Perancangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**

BAHAGIAN A (40 markah)

1. Pelan Struktur Negeri adalah contoh pendekatan perancangan:-
 - a. inovatif
 - b. prosidur
 - c. Revolusi
 - d. Komprehensif

2. 'Audit Perancangan (Planning Audit) adalah satu proses:-
 - a. Memastikan bilangan kemudahan-kemudahan awam yang disediakan di atas tapak mematuhi bilangan yang dirancang di pelan susunatur.
 - b. Memastikan permohonan kelulusan susunatur dilakukan menurut prosidur yang betul.
 - c. Mengenalpasti samada pembangunan yang dilaksanakan berasaskan konsep perancangan serta implikasi darinya.
 - d. Memastikan perbelanjaan yang dibuat ke atas perancangan bandar dipatuhi dan tidak melebihi hadnya.

3. Konsep 'Adil' dalam Prinsip Perancangan Sejangat paling baik dicerminkan dalam keadaan yang berikut:-
 - a. Memberi tanggungjawab merancang kepada seorang pegawai perancang.
 - b. Merancang kawasan hijau melebihi piawaian yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
 - c. Membuat keputusan berasaskan kepada fakta.
 - d. Menghormati keagungan Pencipta dalam merancang penempatan.

...2/-

- 2 -

4. Elemen yang mana satukah yang tidak perlu diserahkan oleh pemaju kepada pihak berkuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan selepas pembinaan siap dilakukan:
- Jalan keluar masuk ke kawasan perumahan.
 - Tapak pelupusan sampah.
 - Kawasan permainan kanak-kanak.
 - Jalan dalaman sebuah pangsapuri.
5. Permohonan 'Ubah Syarat' bermaksud?
- Memohon perubahan terhadap syarat-syarat yang telah ditetapkan Pihak Berkuasa Tempatan ke atas Pelan Susunatur yang telah diluluskan.
 - Memohon perubahan syarat gunatanah sesebuah tapak dari sejenis kegunaan kepada kegunaan yang lain.
 - Memohon penjelasan terhadap syarat-syarat yang telah diubah ketika pembangunan dijalankan.
 - Memohon tapak yang baru setelah tapak yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan telah berubah.
6. Salah satu dari berikut bukan menjadi satu kewajipan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Akta 172:
- Meluluskan semua permohonan susunatur.
 - Mengambil tindakan ke atas pembangunan haram.
 - Mendapatkan pandangan awam terhadap sebarang permohonan pembangunan.
 - Membayar pampasan kepada pemilik-pemilik tanah yang telah diambil untuk tujuan pembangunan.
7. Kerajaan Malaysia sering menyuarakan bantahan terhadap beberapa prinsip kemampanan yang diutarakan oleh pihak Barat kerana berpendapat:-
- Mengapa baru sekarang prinsip itu cuba diketengahkan.
 - Isu kemiskinan dan ketidakmampuan Negara Dunia Ketiga dalam mematuhi prinsip kemampanan perlu diambilkira.
 - Idea kemampanan merupakan satu lagi agenda baru kolonialisme yang diperkenalkan pihak Barat.
- i & ii
 - ii & iii
 - ii sahaja
 - i, ii dan iii

...3/-

8. Dalam pindaan Akta 172 yang terbaru, skop dan istilah 'pemilik-pemilik lot sekitar' tapak pembangunan telah diubah. Perubahan ini dilakukan terutamanya kerana:
- kesan pembangunan kadangkala turut dirasai oleh pemilik-pemilik yang berjauhan dari lot terbabit.
 - kadangkala pemilik lot-lot sekitar dan lot yang terbabit adalah sama.
 - kadangkala pemilik-pemilik kawasan bersebelahan tidak dapat dikesan.
 - kadangkala tapak tidak mempunyai lot sekitar.
9. Jawatankuasa Perancangan Negeri selalunya dipengerusikan oleh:
- Pengarah JPS Negeri
 - Menteri Besar
 - Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Negeri
 - Sultan atau Gabenor Negeri
10. Majlis Perbandaran Kuantan, mengalami masalah untuk menguatkuasakan syarat-syarat tertentu kepada pemilik Restoran Terapung di Sungai Kuantan. Masalah yang dihadapi mereka adalah berpunca dari:
- Restoran terapung tersebut tidak dimiliki oleh pemilik yang jelas
 - Restoran terapung tersebut berada di dalam sungai
 - Restoran terapung tersebut berniaga tanpa lesen
 - Restoran terapung tersebut tidak memiliki ciri-ciri keselamatan yang sepatutnya
11. Objektif Lembaga Kemajuan Wilayah adalah bukan untuk:
- Mempercepatkan pembangunan kawasan bandar.
 - Mengurangkan kepesatan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar.
 - Membandarkan kawasan mundur.
 - Mengintegrasikan pusat-pusat pertumbuhan baru dengan pusat pertumbuhan dan bandar sedia ada.
12. Salah satu dari definisi perancangan adalah '...satu kesenian dan sains yang menyusunatur tanah, petempatan bangunan, dan saluran komunikasi, supaya dapat mencapai darjah ekonomi, keselesaan, dan keindahan maksimum yang praktik...'. Definisi ini dicadangkan oleh:
- Doktrin Perancangan Sejagat (1997)
 - Ratcliffe (1974)
 - Perdue University (1999)
 - Keeble (1969)

13. Peringkat perancangan yang paling luas atau paling makro skopnya adalah:
- Perancangan luar bandar
 - Perancangan spatial negara
 - Perancangan wilayah
 - Perancangan bandar
14. Istilah 'Tanah Tersepit' merujuk kepada:
- Tanah milik kerajaan yang tersepit dalam kalangan tanah-tanah milik.
 - Tanah milik peribadi yang tersepit di celah-celah tanah-tanah lain.
 - Lot tanah terbiar yang tersepit di celah-celah pembangunan bandar.
 - Isu tanah yang tersepit di tengah-tengah pertikaian dua pihak.
15. Proses paling akhir dalam suatu proses pembangunan adalah:
- Kelulusan Sijil CF
 - Kelulusan Tukar Syarat
 - Kelulusan Pelan Bangunan
 - Kelulusan Pindah Milik
16. Konsep 'Machizukuri' adalah salah satu komponen penting dalam proses perancangan bandar di Jepun. Konsep ini:
- Melibatkan input penduduk tempatan dalam membina bandar.
 - Mengelaskan zon-zon tertentu untuk tujuan-tujuan pembangunan yang terperinci.
 - Mengutamakan kawasan hijau sebagai elemen utama bandar.
 - Merupakan satu konsep yang diveduk dari negara-negara Barat.
17. "Sustainable Development is development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs."
- Pengisytiharan ini terdapat dalam:
- The Jane Maslow Report
 - The X Files
 - The Brundtland Report
 - The Henry Gurney Report
18. Di dalam mengenalpasti sesuatu projek pembangunan itu boleh dimajukan atau tidak, bergantung kepada faktor-faktor berikut, KECUALI:
- Mempunyai pasaran yang luas bagi hasil projek nanti.
 - Kerajaan Negeri banyak membantu semasa pelaksanaan projek.
 - Kakitangan/ pekerja syarikat yang memajukan projek mendapat faedah.
 - Projek terletak di dalam kawasan yang sudah membangun dan maju.

- 5 -

19. Pelan-pelan berikut adalah antara komponen pelan pembangunan di peringkat perancangan, KECUALI:
- Pelan Ukur Aras
 - Pelan Topografi
 - Pelan Fasa Pembangunan
 - Pelan Susunatur
20. Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) antara lain disediakan untuk tujuan berikut:
- Keperluan bagi permohonan kelulusan Pelan Susunatur.
 - Memberi maklumat terperinci perancangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
 - Mempercepatkan projek pembangunan.
 - Dapat mengurangkan kos pembangunan projek.
- I dan II
 - II dan III
 - I, II dan III
 - I, II, III dan IV
21. Sebuah Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang lengkap dan berkesan seharusnya mempunyai ciri-ciri berikut, KECUALI:
- Maklumat terperinci mengenai komponen perancangan yang dikaji.
 - Mengambilkira secara mendalam mengenai hasrat dan strategi pembangunan Negeri.
 - Maklumat perlu tumpukan kepada tapak kajian semata-mata.
 - Antara aspek penting termasuklah ekonomi, fizikal dan politik.
22. Penyediaan Pelan-Pelan Pembangunan bagi sesebuah pusat bandar baru melibatkan kombinasi pihak berikut:
- Pemaju/ Pengurus Projek / Perunding
 - Pegawai Kerajaan / Pemimpin Politik / Ahli Profesional
 - Pihak Berkuasa Tempatan / Pemaju / Pemimpin Politik.
 - Perancang Bandar / Pegawai Kerajaan / Pemaju
23. 'Penduduk' dalam hubungannya dengan tanah dan bangunan seperti yang didefinisikan oleh Akta 172, TIDAK meliputi:
- penyewa tanah atau bangunan.
 - orang yang menumpang tanah atau bangunan.
 - orang yang bertanggungjawab untuk mengurus tanah/bangunan.
 - pemilik tanah/bangunan yang tinggal di atas tanah/bangunan tersebut.

- 6 -

24. Antara fungsi Pelan Struktur adalah seperti di bawah.... KECUALI:
- Mentafsir Dasar-Dasar Negara dan Wilayah.
 - Menentukan Matlamat, Polisi dan Cadangan Umum.
 - Menyediakan Rangka Kerja Bagi Pelan-Pelan Susunatur.
 - Menyediakan Panduan Bagi Kawalan Pembangunan.
25. Fakta manakah yang TIDAK betul mengenai Pelan Struktur:
- Biasanya disediakan dahulu daripada Pelan Tempatan.
 - Merupakan pelan perincian dan taktikal.
 - Jangkamasa antara 15 hingga 20 tahun.
 - Meliputi keseluruhan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
26. Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyediakan Rancangan Pemajuan seperti yang terkandung dalam:
- Seksyen 21A Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, Akta A933.
 - Bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172.
 - Seksyen 21A Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1998, Akta A933.
 - Bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1986, Akta 174.
27. Senarai nama di bawah ini adalah bandar-bandar purba..... KECUALI:
- Babylon
 - Mohenjodaro
 - Madinah
 - Thebes
28. Terdapat perbezaan utama konsep Bandar Barat dengan konsep Bandar Islam ialah konsep tersebut menjadikansebagai pusat tumpuan komuniti.
- rumah ibadat
 - pasar
 - sekolah
 - istana raja
29. Fakta-fakta di bawah adalah yang diberi penekanan dalam perancangan perumahan menurut Islam KECUALI:
- udara dan cahaya dikongsi bersama jiran.
 - tidak melebihi 3 bilik tidur.
 - orientasi tandas tidak menghadap arah qiblat.
 - tempat tinggal adalah kehidupan peribadi yang mempunyai batasan aurat.

...7/-

- 7 -

30. Sempadan kejiranan dalam perancangan unit-unit kejiranan dalam Islam boleh terdiri daripadaKECUALI:
- jalan utama 100 kaki
 - jalan pengumpul 60 kaki
 - sungai
 - jalan keretapi
31. Konsep bentuk struktur bandar pada zaman dahulu dan sekarang banyak dipengaruhi oleh:
- sistem pengangkutan
 - topografi tanah
 - sumber air
 - sistem perparitan
32. Sesebuah Pelan Tempatan mungkin merupakan sebuah pelan-pelan berikut KECUALI:
- Pelan Kawasan Kecil
 - Pelan Subjek
 - Pelan Kawasan Tindakan
 - Pelan Induk
33. Tugas Pegawai Perancang di Pihak Berkuasa Tempatan ialah:
- menanam pokok
 - merancang pembangunan
 - membina rumah kos rendah
 - melantik juruteknik pertanian
34. Kebolehmasukan 'accessibility' dalam kawasan perumahan akan meningkatkan kualiti sesuatu kawasan itu jika:
- tempat letak kereta jauh dari kediaman.
 - jalan raya dan tempat letak kereta dekat dengan kediaman.
 - ada perkhidmatan bas tetapi penduduk perlu berjalan 30 minit ke perhentian bas.
 - hanya menggunakan sistem pejalan kaki.
35. Prinsip-prinsip lalu lintas yang sering diutamakan dalam sebarang perancangan ialah:
- jalan raya, letak kereta, sistem pejalan kaki dan kebolehmasukan.
 - sistem pejalan kaki dan landskap.
 - sistem letak kereta sahaja.
 - perhentian bas sahaja.

36. Hierarki jalan raya dalam kemasan kediaman yang sering digunapakai ialah:
- kelebaran jalan 132 kaki sahaja.
 - kelebaran jalan 132 kaki, 100 kaki, 60 kaki, 40 kaki, 30 kaki, 20 kaki dan 10 kaki.
 - kelebaran jalan 66 kaki sahaja.
 - kelebaran jalan 40 kaki sahaja.
37. Perancangan dan tanggungjawab Pegawai Perancang antara lain memperkenalkan:
- Sistem Pejalan Kaki.
 - Sistem Pembangunan (pelan struktur dan pelan tempatan).
 - Pelan Perindustrian sahaja.
 - Pelan Pembangunan Pertanian sahaja.
38. Manakah di antara berikut BUKAN merupakan proses perancangan landskap?
- Implementasi
 - Penyelesaian polisi
 - Analisa
 - Pemusatan
39. Manakah di antara berikut BUKAN kesan daripada pengurusan landskap yang tidak teratur?
- Pencemaran udara & air.
 - Kebanyakan negara berorientasikan pertanian adalah miskin.
 - Kekurangan tenaga elektrik.
 - Harga barang makanan melambung tinggi.
40. Apakah yang dimaksudkan dengan "I-thou" ?
- hubungan manusia menawan alam sekitar.
 - hubungan manusia dengan manusia.
 - hubungan manusia mengadaptasi alam sekitar.
 - hubungan manusia dengan tuhan.

BAHAGIAN B (60 markah)

1. Di sebalik teori prinsip dan teknik perancangan, pembangunan bandar masih tidak sempurna dan bandar hari ini terus bermasalah. Bincangkan di mana sebenar silapnya?
(10 markah)

2. Peluang rakyat untuk turut serta dalam proses perancangan bandar di negara ini sememangnya wujud; sila ulas pada peringkat manakah dan bagaimanakah penduduk boleh melibatkan diri mereka dalam proses perancangan?
(10 markah)

3. Antara tujuan penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) adalah untuk membantu Pihak Berkuasa Perancangan membuat penilaian yang sewajarnya terhadap cadangan pembangunan berasaskan kepada maklumat terperinci yang dikemukakan oleh Jururancang Berdaftar. Apakah kesan sekiranya LCP tidak dikemukakan, khususnya bagi tapak pembangunan yang mempunyai isu-isu berikut:
 - (a) Tapak yang terletak di dalam kawasan pembangunan matang dan kepadatan tinggi.
 - (b) Dikelilingi oleh kawasan kampung tradisional.
 - (c) Tapak terletak dalam Zon Penindustrian.(10 markah)

4. Piawaian Perancangan menjadi rujukan utama dalam penyediaan pelan susunatur atau tatatur yang berpiawai. Huraikan ungkapan ini.
(10 markah)

5. Bincangkan peranan Pegawai Perancang Bandar mengikut peringkat nasional, negeri dan tempatan.
(10 markah)

6. Huraikan prinsip-prinsip lalu lintas yang perlu diambilkira dalam merancang sesuatu komuniti.
(10 markah)

